

**PANDUAN MEMBUAT PERMOHONAN BAGI KELULUSAN PELAN LANDSKAP  
DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU  
BANDAR RAYA ISLAM**

**.1. SYARAT-SYARAT AWAL PERMOHONAN**

- 1.1 Permohonan bagi kelulusan Pelan Landskap perlu dikemukakan kepada alamat :-

Ketua Unit Pusat Setempat (OSC)  
Majlis Perbandaran Kota Bharu  
Bandar Raya Islam  
Jalan Hospital  
15000 Kota Bharu, Kelantan.

- 1.2 Semua permohonan perlu dibuat secara rasmi ke Unit Pusat Setempat (OSC) serta dicatatkan dengan jelas semua butir-butir permohonan untuk tindakan susulan.
- 1.3 Jenis-jenis permohonan seperti mana di Lampiran 1.
- 1.4 Semua projek disyaratkan dipohon melalui Arkitek Landskap / Perunding Landskap yang bertauliah yang dilantik oleh pemaju / pemohon kecuali bagi projek perumahan dan lot-lot kedai pejabat 25 unit dan ke bawah.
- 1.5 Setiap permohonan bagi kelulusan Pelan Landskap perlu kemukakan dokumen seperti berikut :-
- 1.5.1 Tiga (3) salinan pelan kunci, pelan lokasi dan pelan tapak projek
- 1.5.2 Tiga (3) salinan pelan terperinci (detail) bagi kawasan cadangan riadah, padang permainan kanak-kanak, padang bola, tempat-tempat rekreasi, kemudahan awam dan sebagainya.
- 1.6 Satu salinan lukisan berikut :-
- 1.6.1 Pelan tingkat pertama
- 1.6.2 Pelan tingkat basement
- 1.6.3 Pelan tampak / keratan yang menunjukkan cadangan dataran dan dataran sediaada (showing existing & proposed level of development)

## **2. PELAN LOKASI & PELAN KUNCI**

Pelan lokasi dan pelan kunci hendaklah ditunjukkan di dalam pelan tapak di sudut sebelah kiri, sekiranya ruang mencukupi. Jika tidak, pelan yang berasingan hendaklah disediakan dengan skala 1 inci :16 rantai atau 1 inci : 8 rantai atau 1 inci : 4 rantai dan 1 inci : 2 rantai.

### **2.1 Pelan Kunci**

Pelan kunci hendaklah ditunjukkan di dalam pelan tapak di sudut sebelah kiri dengan menunjukkan perkara-perkara seperti berikut:-

2.1.1 Kedudukan bandar-bandar utama yang berdekatan.

2.1.2 Kawasan tapak hendaklah diwarnakan merah jambu dengan terang.

2.1.3 Jalan-jalan utama yang menghubungkan kawasan yang dibangunkan.

### **2.2 Pelan Lokasi**

2.2.1 Lot yang akan dimajukan hendaklah ditunjukkan dengan terang dengan membuat garisan sempadan tebal yang dilorekkan serta diwarnakan merah jambu.

2.2.2 Nombor Lot hendaklah tertera dengan jelas.

2.2.3 Jalan raya utama dan semua nama jalan yang menghubungkan lot yang akan dimajukan hendaklah ditunjukkan.

2.2.4 Menunjukkan pembangunan di sekitar lot yang akan dimajukan.

### 3. PELAN TAPAK / INDUK LANDSKAP (MASTER PLAN)

3.1 Hanya perkara-perkara berikut yang perlu tertera di pelan tapak :-


3.1.1 Pelan Kunci dan Pelan Lokasi

3.1.2 'Plant Legend'

3.1.3 'Print Blok'

Contoh :-

**Rajah 1**



3.2 3 salinan pelan tapak yang dikemukakan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-

3.2.1 Ukuran (skala) mestilah tidak kurang daripada :-

3.2.1.1 1 : 500 bagi projek pangsapuri dengan 300-500 unit

3.2.1.2 1 : 1000 bagi projek perumahan kos rendah / sederhana yang melebihi daripada 900 unit.

3.2.1.3 1 : 250 bagi projek pejabat, stesen minyak, perdagangan dan kilang.

3.2.2 Setiap satu set pelan yang dikemukakan, perlu mengandungi :

3.2.2.1 Pelan Tapak (Structural planting plan)

3.2.2.2 Pelan Penanaman Perincian (Typical Planting Method)

3.2.2.3 Pelan Elevation

3.2.2.4 Pelan Sectional

3.2.2.5 Pelan Perspektif

3.2.2.6 Pelan Perincian bagi setiap kerja-kerja hardscape. (Contoh: wakaf, pergolas, benches, bins, walkways, signages, fountains dan lain-lain.)

- 3.3 Sebanyak tiga (3) set pelan dalam saiz A1 perlu dikemukakan, iaitu satu (1) set linen, yang mana 1 set diwarnakan sepenuhnya.
- 3.4 Mencatat di pelan tapak perkara berikut:-
  - 3.4.1 Keluasan tapak pembangunan
  - 3.4.2 Keluasan 'built up area' serta keluasan untuk tiap-tiap kawasan lapang hendaklah dinyatakan di dalam pelan tapak (kaki persegi / meter persegi)
  - 3.4.3 Keluasan kawasan hijau yang diperuntukkan (mestilah tidak kurang dari 10% dari keluasan 'built up area')
  - 3.4.4 Keluasan Landskap Kejur (hardscape)
- 3.5 Bagi kawasan yang besar yang mana pembangunan akan dibangunkan secara berfasa-fasa, satu pelan induk landskap hendaklah dikemukakan. Semua pelan-pelan yang dikemukakan perlu mengandungi tajuk dan penunjuk yang lengkap ditandatangani oleh pihak arkitek landskap yang memohon untuk kelulusan pelan landskap.
- 3.6 Bagi projek-projek tertentu sebagaimana dinyatakan di Lampiran 1 hendaklah dicatat nama dan alamat Jabatan Landskap yang bertauliah serta ditandatangani dengan dakwat hitam. Pelan yang dikemukakan hendaklah salinan daripada pelan susun atur yang diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam. Nama, alamat dan tandatangan pemilik dengan dakwat hitam di atas setiap pelan. No. P.T rumah / kedai / kilang hendaklah dicatatkan untuk kemudahan rujukan.

#### 4. MEWARNA PELAN

4.1 Semua pelan-pelan landskap yang dikemukakan perlu diwarnakan dengan jelas mengikut kegunaan yang ditentukan.

- Jadual warna bagi plan landskap seperti Jadual 1

**Jadual 1**

<b>PELAN</b>	<b>WARNA</b>
Tanaman-tanaman yang dicadangkan mengikut spesis yang digunakan	Hijau atau yang bersesuaian
Kawasan letak kereta	Kuning
Kawasan siarkaki / jalan utama / sisi	Merah
Kawasan lapang bagi surau, balairaya dan gerai dan kawasan-kawasan yang akan diserahkan kepada Majlis	Hijau
Kawasan yang berair – seperti lombong, kolam air dan sebagainya	Biru
Taman permainan kanak-kanak (bagi alat permainan sahaja)	Cokelat
Kawasan cerun, padang bola	Hijau rumput (grass green)
Lain-lain infrastruktur seperti wakaf, gazebo, pavilion, gerai	Cokelat
Gelanggang riadah seperti tennis, badminton, sepaktakraw (gelanggang terbuka)	Oren

## 5. KEMUDAHAN AWAM

- 5.1 Penyediaan kemudahan awam perlu disediakan mengikut keperluan. Ini termasuk :-
- 5.1.1 Kawasan lapang, gelanggang rekreasi, taman permainan kanak-kanak dan padang bola.
  - 5.1.2 Satu (1) set alat permainan yang disahkan oleh SIRIM yang merangkumi perkara berikut (minima) :-
    - 5.1.2.1 Satu (1) jenis integrated
    - 5.1.2.2 'Spring item' (dua unit)
    - 5.1.2.3 Jongkang-jongkit (dua unit)
    - 5.1.2.4 Set buaian (dua unit)
    - 5.1.2.5 'Landing Pad' bagi alat permainan, geluncur dan sebagainya perlu menggunakan 'rubberised mat'.
  - 5.1.3 Cadangan alat permainan hendaklah untuk tiap-tiap kawasan lapang yang dicadangkan.
  - 5.1.4 Keluasan untuk tiap-tiap kawasan lapang hendaklah dinyatakan di dalam pelan tapak (kaki persegi / meter persegi).
  - 5.1.5 Menyediakan kawasan meletak kereta.
- 5.2 Bagi penyediaan kawasan permainan kanak-kanak, penyediaan alat permainan perlu disediakan dari jenis 'ready made' dan dilampirkan perkara berikut :-
- 5.2.1 Nama pembekal
  - 5.2.2 Alamat pembekal
  - 5.2.3 Brochure jenis alat permainan
  - 5.2.4 Warranty letter daripada pembekal
- 5.3 Kemudahan taman seperti bangku-bangku duduk (benches), wakaf (gazebo), lampu-lampu taman (lamppost), papan tanda (signage) dan sebagainya. Semua kemudahan-kemudahan yang digunakan mestilah dari jenis yang tahan dan tidak merbahaya.

## **6. LAIN-LAIN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN**

- 6.1 Garis tanda basement (basement line)
- 6.2 Garis sempadan
- 6.3 Garis dinding penahan (retaining wall)
- 6.4 Kawasan lereng bukit (cerun)
- 6.5 Bahu jalan
- 6.6 Transmission Line
- 6.7 Underground Utilities
- 6.8 Longkang
  - 6.8.1 Open drain
  - 6.8.2 Monsoon drain
  - 6.8.3 Culvert
- 6.9 Tajuk pelan
- 6.10 Skala
- 6.11 Arah utara dan Kiblat
- 6.12 Alamat tapak cadangan
- 6.13 Tandatangan
  - 6.13.1 Pemilik
  - 6.13.2 Pemaju
  - 6.13.3 Arkitek Landskap
  - 6.13.4 Arkitek
- 6.14 Nombor Lot dan Bangunan
- 6.15 Jenis bangunan
- 6.16 Pelan Lokasi dan Pelan Kunci
- 6.17 Petunjuk

## **7. PERMOHONAN KELULUSAN PENEBAANGAN POKOK SEDIADA**

- 7.1 Mengemukakan pelan topography kawasan pembangunan menunjukkan lokasi pokok.
- 7.2 Nama spesis pokok terlibat.
- 7.3 Ukuran Pokok (garis pusat / dan ketinggian)
- 7.4 Pelan menunjukkan lokasi pokok dan jumlah yang terlibat.
- 7.5 Gambar pokok-pokok yang terlibat di tapak projek.
- 7.6 Menyatakan pokok sediada yang perlu dikekal, dialih atau ditebang.

**NOTA :** Hanya pokok-pokok sediada yang mempunyai diameter batang melebihi 0.8m diukur 2m daripada paras tanah perlu dinyatakan.

## **8. KEPERLUAN TERPERINCI**

- 8.1 Lukisan 'Sectional' dan 'Elevation' Bentuk Penanaman (Elevation Plan)

Bagi penanaman di bahu jalan, jalan masuk utama, tempat letak kereta, tepian bangunan di bahagian cerun, pihak pemaju perlu mengemukakan Lukisan 'Sectional' dan 'Elevation' jalan / tepian bangunan / cerun yang menunjukkan cadangan lokasi pokok dan lain-lain kemudahan seperti lampu, kekotak bunga dan sebagainya. Pelan penanaman dalam skala 1:200.

- 8.2 Lukisan Perspektif

Pemaju perlu mengemukakan Lukisan Perspektif yang menunjukkan lokasi mana-mana satu sudut yang menarik / 'focal point' atau keseluruhan projek.

## **9. JENIS-JENIS TANAMAN**

- 9.1 Bagi cadangan jenis atau spesis tanaman utama hendaklah dipilih dari jenis yang sesuai dengan keadaan setempat. Tanaman jenis buah-buahan digalakkan ditanam di taman-taman perumahan terutamanya di kawasan lapang, laluan-laluan di kawasan perindustrian dan lain-lain tempat yang difikirkan sesuai.
- 9.2 Reka bentuk landskap yang dikemukakan mestilah mempunyai hubungkait dengan konsep Kota Bharu Bandar Raya Islam.
- 9.3 Pokok teduhan yang mempunyai daun dan bunga yang menarik serta mudah diselenggara adalah digalakkan.
- 9.4 Pemilihan pokok teduhan perlu bersesuaian dengan saiz dan ruang landskap yang ada dan juga mesti mencapai fungsi meredupkan persekitaran laman.
- 9.5 Perletakan pokok palma dan Juniperus digalakkan di lokasi-lokasi tertentu sahaja seperti di pintu masuk kawasan cadangan dan dikawasan landskap yang terhad.



## **10. SIMBOL-SIMBOL JENIS TANAMAN**

- 10.1 Simbol-simbol jenis tanaman yang akan digunakan perlulah dibuat perbezaan corak di antara jenis-jenis tanaman yang akan ditanam di tapak projek.
- 10.2 Format serta warna yang digunakan bagi tiap-tiap spesis tanaman mestilah dibuat secara terang dan ringkas bagi memudahkan kerja-kerja penyemakan.

## **11. SPESIFIKASI POKOK (PLANT LEGEND)**

- 11.1 Spesifikasi untuk pokok utama, palma, renek dan penutup bumi hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut :-
  - 11.1.1 Nama Botani / saintifik
  - 11.1.2 Ukuran lilit / Diameter batang (TD)
  - 11.1.3 'Clear Trunk Height' – CTH (Palma)
  - 11.1.4 Tinggi batang (Trunk Height) – TH
  - 11.1.5 Tinggi keseluruhan (Overall Height) – OH
  - 11.1.6 Saiz polibeg

11.2 Jarak Penanaman :

**Jadual 2**

<b>JARAK PENANAMAN</b>	
Pokok utama	9m (30')
Pokok palma	5m (15')
Pokok renek	300mm – 600mm (1' – 2')
Pokok penutup bumi	150mm – 230mm (6" – 9")

**(Jarak penanaman yang diberikan adalah jarak maksima untuk pokok utama dan palma)**

11.3 Ketinggian (height), diameter batang (trunk diameter), dan bersih batang pokok (clear trunk) :

**Jadual 3**

<b>POKOK UTAMA</b>	
Ketinggian (OH)	2.0m – 2.5m (6' – 8')
Diameter batang (TD)	25mm – 40mm (1" – 1½")

**Jadual 4**

<b>POKOK PALMA (Sebatang)</b>	
Ketinggian (OH)	2.5m – 3.0m (6' – 10')
Bersih batang (CT)	1.3m – 1.5m (4' – 5')

**Jadual 5**

<b>POKOK PALMA (Rimbun)</b>	
Ketinggian (OH)	2.5m – 3.0m (8' – 10')
Bilangan batang	3 – 4 batang

**Jadual 6**

<b>POKOK RENEK TINGGI</b>	
Ketinggian	450mm (18")
Saiz polibeg	230mm x 230mm (10" x 10")

**Jadual 7**

<b>POKOK RENEK RENDAH</b>	
Ketinggian	230mm (9" – 12")
Saiz polibeg	153mm x 231mm (6" x 9")

**\* Spesifikasi yang dinyatakan adalah spesifikasi minima**

## **12. LUKISAN PERINCIAN (BUTIR-BUTIR JELAS)**

- 12.1 Semua kemudahan awam yang disediakan perlu mengemukakan lukisan perincian.
- 12.2 Kemudahan-kemudahan yang disediakan perlu dari jenis tahan lasak, kuat dan tidak membahayakan jika digunakan.
- 12.3 Lukisan Perincian Penanaman (Detail Planting Plan) bagi setiap jenis tanaman perlu disertakan.  
(Contoh : Pokok Utama, Pokok Palma/Bambu, Renek, Penutup Bumi dan lain-lain)

## **13. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LANDSKAP**

Pihak Bahagian Landskap akan mengkaji setelah pihak pemohon mengemukakan pelan-pelan cadangan landskap sepertimana yang diperlukan mengikut garis panduan permohonan dan garis panduan cadangan landskap. Pelan landskap perlu dikemukakan serentak dengan permohonan kelulusan pelan-pelan lain.

## **14. KELULUSAN PELAN LANDSKAP**

- 14.1 Semua permohonan landskap akan dikenakan bayaran memproses mengikut jenis pembangunan yang akan dilaksanakan. Jumlah bayaran yang dikenakan sepertimana di Lampiran 1 (Bayaran proses hendaklah dibuat di Unit Pusat Setempat (OSC), MPKB-BRI).
- 14.2 Semua permohonan akan diproses di OSC, MPKB-BRI dan disemak oleh Bahagian Landskap untuk kelulusan. Setelah berpuas hati dengan cadangan yang dikemukakan, surat akuan kelulusan akan dihantar ke OSC untuk proses seterusnya.

## **15. PELAN-PELAN TIDAK LENGKAP / MEMATUHI KEHENDAK**

- 15.1 Jika sekiranya pelan yang diproses tidak mematuhi syarat atau perlu dipinda dan sebagainya. Bahagian Landskap akan memaklumkan kepada OSC untuk pembetulan pelan landskap atau terus kepada pemohon dan salinan kepada OSC. Pihak pemohon perlu menghantar semula pelan yang telah diperbetulkan untuk tindakan selanjutnya. Pihak Bahagian Landskap akan meluluskan pelan-pelan landskap dengan bersyarat, jika didapati hanya pembetulan / tambahan kecil sahaja diperlukan untuk tujuan kelulusan pelan landskap.
- 15.2 Pelan Landskap yang telah diluluskan hanya boleh digunapakai untuk tempoh dua belas (12) bulan sahaja dan perlu diperbaharui selepas tamat tempoh.

## **16. PELAN PINDAAN**

- 16.1 Jika terdapat perubahan tapak yang akan menjejaskan pelan landskap yang diluluskan, pemohon perlu mengemukakan pelan landskap yang baru (as built plan) sebagai permohonan semula.

## **17. LAWATAN PERLAKSANAAN KERJA-KERJA LANDSKAP**

- 17.1 Pihak pemohon dikehendaki memaklumkan terlebih dahulu kepada Bahagian Landskap untuk memulakan kerja-kerja landskap dan lawatan pertama bersama pegawai Bahagian Landskap akan dibuat bagi menentukan syarat-syarat dipenuhi.
- 17.2 Lawatan untuk sokongan kelulusan menduduki bangunan sementara / kekal akan dibuat setelah mendapat permohonan daripada pemohon beserta dengan gambar-gambar siap kerja sebagai bukti kerja-kerja landskap telah dilaksanakan.
- 17.3 Setelah pihak Bahagian Landskap berpuas hati di atas pelaksanaan kerja-kerja landskap, pihak Bahagian Landskap akan mengeluarkan Surat Sokongan Kelulusan SKD / CCC Sementara / kekal. Bagi kelulusan sementara tempohnya bergantung kepada hasil kerja-kerja landskap yang dilaksanakan. Di dalam tempoh masa yang diberikan, pihak pemaju mesti memastikan tanaman hidup dengan subur dan sempurna.
- 17.4 Setelah berakhirnya tempoh masa 'Kelulusan Sementara' pihak pemaju perlu menghubungi semula Bahagian Landskap untuk Lawatan Kedua bagi tujuan pengeluaran sokongan kelulusan SKD / CCC. Pihak pemohon perlu sekali lagi mengemukakan gambar terbaru landskap yang dilaksanakan.
- 17.5 Bahagian Landskap akan hanya mengambil alih kerja-kerja penyelenggaraan taman atau kawasan lapang setelah bahagian ini berpuas hati dengan keadaan di tapak, jika tidak kelulusan pembinaan landskap tetap tidak akan dikeluarkan dan kelulusan sementara akan dilanjutkan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam tempoh tersebut pihak pemaju perlu menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan seterusnya. Setelah tamat lanjutan tempoh yang diberikan, pihak pemaju perlu menghubungi Bahagian Landskap supaya satu lawatan bersama diadakan semula. Setelah bahagian ini berpuas hati dengan keadaan di tapak projek, pihak pemaju / pemohon membuat surat penyerahan kawasan taman atau kawasan lapang kepada Majlis untuk kerja-kerja penyelenggaraan selanjutnya.
- 17.6 Surat sokongan Sijil Layak Menduduki (SKD / CCC) akan dikeluarkan setelah mendapat surat penyerahan daripada pemaju / pemohon.

### **PERHATIAN :**

Buku garis panduan ini tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.

# LAMPIRAN

## **BORANG SEMAKAN**

Perkara-perkara yang perlu diambil tindakan oleh pemohon untuk semakan sebelum mengemukakan pelan cadangan landskap ke Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam.

### **PERKARA**

Permohonan dikemukakan ke Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam dengan dilengkapi :-

1. Surat permohonan
  - 1.1. Menggunakan 'Letter Head'
  - 1.2. Nama Projek
  - 1.3. No. Rujukan Surat
  - 1.4. Tandatangan Pemohon
  - 1.5. Tarikh Surat
2. Tiga (3) salinan Pelan Lokasi
3. Tiga (3) salinan Pelan Tapak (Structural Planting Design)
4. Tiga (3) salinan lukisan detail bagi cadangan riadah (Hardscape)
5. Tiga (3) salinan lukisan Elevation, Sectional dan Perspektif
6. Tiga (3) salinan lukisan detail bagi penanaman :-
  - 6.1 Pokok Teduhan
  - 6.2 Pokok Palma / bamboo
  - 6.3 Pokok Renek
  - 6.4 Penutup Bumi
  - 6.5 Rumput
7. Satu salinan lukisan berikut :-
  - 7.1 Pelan Tingkat Pertama
  - 7.2 Pelan Tingkat Basement
  - 7.3 Pelan Tampak / keratan yang menunjukkan cadangan dataran dan dataran sediaada

8. Setiap pelan diwarnakan dengan lengkap dan dilipat dalam saiz A4.
9. Tempat letak kereta ada disediakan island 1.5m lebar.
10. Kedudukan / laluan paip bekalan air, eletrik, bomba dan sebagainya ditunjukkan. (1.5 m @ 5' dari paip JBA)
11. Semua kawasan terbuka, cerun dan sepanjang longkang hendaklah di tanam dengan rumput jenis 'Axonopuss compressus' (cow grass) gred A secara close turfing.
12. Jarak pokok renek / pagaran dari persimpangan jalan tidak kurang dari 40'.
13. Satu salinan Perintah Pembangunan (Development Order) yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancang Bandar, MPKB-BRI.
14. Pembayaran bagi memproses permohonan Kelulusan Pelan Landskap mengikut kadar bayaran yang ditetapkan bagi jenis-jenis projek pembangunan.

## KADAR FI KHIDMAT NASIHAT KE ATAS PELAN LANDSKAP MPKB-BRI

Jenis Pembangunan	Kadar Bayaran
<b>1. Perumahan :</b>	
i. Pangsapuri/ Kondominium	• RM 300.00/ Permohonan
ii. Pangsa Kos Rendah	• RM 200.00/ Permohonan
iii. Projek Perumahan	
• < 4 Unit	• 1 set pelan bangunan daripada arkitek
• 4 Unit – 25 Unit	• RM 50.00/ Permohonan (Dikecualikan melalui Arkitek Landskap tetapi dikenakan membuat pelan penanaman pokok)
• 26 Unit – 100 Unit	• RM 100.00/ Permohonan
• 101 Unit – 200 Unit	• RM 150.00/ Permohonan
• 201 Unit – 300 Unit	• RM 250.00/ Permohonan
• > 300 Unit	• RM 300.00/ Permohonan (26 unit dan ke atas disyaratkan dipohon melalui Arkitek / Perunding Landskap yang bertauliah)
<b>2. Perniagaan/ Perdagangan :</b>	
i. Kompleks Membeli-belah/ Pasaraya	• RM 250.00/ Permohonan
ii. Kompleks Perdagangan/ Hypermarket	• RM 250.00/ Permohonan
iii. Hotel/ Rumah Penginapan	• RM 250.00/ Permohonan
iv. Akademi Latihan Memandu Swasta	• RM 250.00/ Permohonan
v. Institusi Swasta	• RM 250.00/ Permohonan
vi. Pusat Perubatan Swasta	• RM 200.00/ Permohonan
vii. Kompleks Sukan/Dewan Swasta	• RM 200.00/ Permohonan
viii. Kem Motivasi Swasta	• RM 200.00/ Permohonan
ix. Lot-lot Kedai :	
• < 4 Unit	• 1 set pelan bangunan daripada arkitek
• 4 Unit – 100 Unit	• RM 150.00/ Permohonan (4 unit – 25 unit dikecualikan melalui Arkitek Landskap tetapi dikenakan membuat pelan penanaman pokok)
• 101 Unit – 200 Unit	• RM 200.00/ Permohonan
• > 200 Unit	• RM 250.00/ Permohonan (26 unit dan ke atas disyaratkan dipohon melalui Arkitek / Perunding Landskap yang bertauliah)
x. Pusat Memancing	• RM 200.00/ Permohonan
xi. Restoran	• RM 200.00/ Permohonan
xii. Stesen Minyak	• RM 200.00/ Permohonan
xiii. Gerai/ Medan Selera	• RM 200.00/ Permohonan
<b>3. Perindustrian :</b>	
i. Plot Perindustrian (Broad Zonning) :	
• < 4.00 Hektar	• RM 200.00/ Permohonan
• 4.00 Hektar – 10.00 Hektar	• RM 250.00/ Permohonan
• > 10.00 Hektar	• RM 300.00/ Permohonan
2. Industri Sesebuah dan Bertingkat	• RM 250.00/ Permohonan
3. Industri Teres & Berkembar (Termasuk Bertingkat)	• RM 200.00/ Permohonan
4. Gudang Terbuka/ Tertutup dan Ruang Pameran	• RM 200.00/ Permohonan
<b>4. Institusi Kerajaan :</b>	
i. Stadium	• RM 450.00/ Permohonan
ii. Dewan/ Kompleks Sukan	• RM 350.00/ Permohonan
iii. IPTA	• RM 300.00/ Permohonan
iv. Pejabat Kerajaan	• RM 250.00/ Permohonan
v. Rumah Penginapan Kerajaan	• RM 250.00/ Permohonan
vi. Bangunan Tadika	• RM 200.00/ Permohonan



<b>5. Kawasan Rekreasi/ Taman Rekreasi :</b>	
i. Taman Tema (Swasta)	• RM 450.00/ Permohonan
ii. Padang Golf	• RM 350.00/ Permohonan
iii. Rumah Kelab (Swasta)	• RM 300.00/ Permohonan
iv. Hutan Bandar/ Taman Bandar/ Kejiranan	• RM 300.00/ Permohonan
v. Plaza	• RM 250.00/ Permohonan
<b>6. Pembangunan Bercampur :</b>	
i. < 100 Unit	• RM 200.00/ Permohonan
ii. 101 Unit – 200 Unit	• RM 250.00/ Permohonan
iii. 201 Unit – 300 Unit	• RM 300.00/ Permohonan
iv. > 300 Unit	• RM 350.00/ Permohonan
<b>7. Lain-lain :</b>	
i. Marina	• RM 450.00/ Permohonan
ii. Taman Peringatan (Memorial Park)	• RM 250.00/ Permohonan
iii. Krematorium/Kubur Swasta	• RM 200.00/ Permohonan
iv. Rumah Ibadat	• RM 150.00/ Permohonan

*Nota :*

- *Semua cadangan kadar bayaran di atas telah diselaraskan dengan Garis Panduan daripada Jabatan Landskap Negara.*
- *Jika terdapat pindaan pelan landskap yang diminta oleh Majlis – kadar bayaran adalah dikecualikan.*
- *Jika pemohon ingin membuat pindaan ke atas pelan landskap yang telah diluluskan, kadar bayaran yang dicadangkan adalah separuh daripada kadar di atas.*
- *Semua bayaran adalah tertakluk kepada Seksyen 39(B), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mana PBPT boleh mengenakan bayaran bagi setiap perkhidmatan yang diberikan.*

BORANG BL / MPKB – BRI -1  
BAYARAN BAGI MEMPROSES PERMOHONAN KELULUSAN LANDSKAP

BAHAGIAN LANDSKAP  
MPKB-BRI  
KG. PANJI, JLN. BERIS LANJUT  
16100 KOTA BHARU  
KELANTAN

Tuan,

Bersama-sama ini disertakan resit rasmi no. \_\_\_\_\_ Jumlah \_\_\_\_\_

(Ringgit Malaysia : \_\_\_\_\_)

Yang dikeluarkan oleh Bendahari Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam sebagai bayaran memproses permohonan kelulusan landskap bagi cadangan pembangunan seperti berikut :-

Tajuk permohonan Landskap \_\_\_\_\_

Lot no. \_\_\_\_\_ Sek / Mukim : \_\_\_\_\_

Jalan : \_\_\_\_\_ Fail Rujukan : \_\_\_\_\_

14.1.1. Sekiranya terdapat kekurangan di dalam bayaran memproses permohonan di kelulusan landskap tersebut. Saya akan menjelaskan segala bayaran dengan sepenuhnya apabila tuntutan dibuat oleh Pegawai yang dilantik di Jabatan tuan.

14.1.2. Saya mengesahkan bahawa pengiraan bayaran memproses permohonan kelulusan landskap di atas adalah berdasarkan kepada kadar bayaran seperti di lampiran 1.

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PEMOHON)

Nama Pemohon / Arkitek : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

**PENGESAHAN PENYERAHAN BAYARAN MEMPROSES PERMOHONAN LANDSKAP**

Potong mana yang tidak berkenaan :

1. Bayaran yang disertakan adalah betul
2. Bayaran tambahan RM \_\_\_\_\_ hendaklah dijelaskan
3. Bayaran berlebihan RM \_\_\_\_\_ hendaklah dikembalikan

Disahkan oleh :

\_\_\_\_\_  
Tandatangan

\_\_\_\_\_  
Nama

\_\_\_\_\_  
Tarikh